

DEB mengubah suasana di Malaysia: PM

TOKYO, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, Dasar Ekonomi Baru telah merubah hampir keseluruhan suasana di Malaysia, berbanding dengan keadaan masyarakat sebelum merdeka yang menikmati perubahan tidak teratur.

Perdana Menteri menyatakan: "Dalam tempoh selepas merdeka, pelbagai usaha dijalankan untuk memaksimumkan keuntungan, demi faedah rakyat dan negara.

"Perubahan dalam masyarakat adalah perkara yang tidak dapat dielakkan dan kebanyakan dari perubahan itu adalah di luar kawalan. Tetapi, perubahan-perubahan tertentu boleh dihalang atau diarahkan.

"Beberapa tradisi dan nilai mungkin secara sadar dikekalkan manakala perubahan lain yang dibenarkan, disusun sejajar dengan arah yang dihasratkan."

Datuk Seri Dr Mahathir, yang sedang melawat Jepun secara tidak rasmi, berkata demikian di simposium antara-bangsa anjuran Universiti Keio hari ini. Teks ucapannya dikeluarkan di Kuala Lumpur.

Beliau mengambil kesempatan itu untuk menjelaskan mengenai perubahan yang berlaku dalam masyarakat majmuk di negara ini serta kewujudan beberapa dasar yang diamalkan sekarang.

Menyebut perubahan masyarakat hasil dari DEB, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Bandar tidak lagi didiami oleh

kebanyakannya kaum Cina dan kampung-kampung oleh orang Melayu serta suku kaum lain.

"Banyak yang telah dilakukan sejak DEB dirumuskan dan memberi kesan besar kepada masyarakat. Kemiskinan yang benar-benar ketara bukanlah menjadi masalah di Malaysia, melainkan kemiskinan yang relatif."

Kata Perdana Menteri, pelajaran dan latihan telah menjadi alat penggerak yang menggalakkan penyusunan semula dan membasmi kemiskinan.

Pelbagai skim dan institusi Kerajaan pula memberi kedudukan yang lebih baik kepada petani, penaja kecil dan pekerja-pekerja mahir serta separa mahir.

"Bumiputera dan suku bangsa lain telah mula menceburkan diri dalam ekonomi moden di bandar dan mendapat bahagian dari kekayaan negara.

"Tapi tidak semua matlamat ke arah itu tercapai atau memuaskan. Masih banyak yang boleh dikritik.

"Setengah orang berkata, kaum Bumiputera masih miskin berbanding dengan bukan Bumiputera, manakala yang lain pula berkata, kejayaan yang dicapai tertumpu hanya kepada kekayaan material."

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, semua kritik mempunyai elemen kebenarannya tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan yang dicapai adalah gemilang.